




KEMENTERIAN KEWANGAN

ANGGARAN PERBELANJAAN PERSEKUTUAN



M E R E A L I S A S I E K O N O M I M A D A N I



ANGGARAN PERBELANJAAN PERSEKUTUAN 2026

KEMENTERIAN KEWANGAN



ANGGARAN PERBELANJAAN PERSEKUTUAN 2026

10 Oktober 2025, jam 4.00 petang


© Hak Cipta Terpelihara

Semua hak terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan sebaliknya tanpa mendapat izin daripada:

Pengarah Belanjawan Negara,
Kementerian Kewangan,
Aras 6, Blok Utara,
Kompleks Kementerian Kewangan,
No. 5, Persiaran Perdana,
Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 Putrajaya
Tel : 03-8882 6838

Anggaran Perbelanjaan Persekutuan diterbitkan setiap tahun.

Naskhah ini boleh dimuat turun di:
www.mof.gov.my



MENTERI KEWANGAN MALAYSIA

PRAKATA

Saya kemukakan di Dewan yang mulia ini Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2026 yang mengandungi perbelanjaan mengurus dan pembangunan demi menjayakan program, aktiviti dan projek untuk bangsa dan negara.

Kemeruapan dan tantangan dunia dijangka semakin menyengat pada tahun 2026. Badi tarif timbal balik menggugat pertumbuhan, manakala rancangan struktural berpotensi mengubah pencaturan tatanan global, sekaligus menaikkan suhu geopolitik yang kian hangat.

Belanjawan 2026 dihiperkan dengan harapan agar kita senegara dapat merangkul segala kudrat yang ada untuk melindungi pertiwi daripada keberentakan di luar. Sebagai Belanjawan MADANI keempat, ia mengasah disiplin kita untuk berpijak teguh di landasan reformasi, membina daya tahan menghadapi masa hadapan yang sarat kemeruapan. Menjunjung wawasan Kerangka Ekonomi MADANI, Belanjawan ini membawa kita selangkah lagi ke hadapan untuk mengecapi aspirasi Menaikkan Siling potensi pertumbuhan negara dan Menaikkan Lantai taraf hidup rakyat — dengan menzahirkan keperluan Memacu Pembaharuan, khususnya dalam memperkukuh tatakelola negara.

Belanjawan 2026 juga menjadi mukadimah kepada usaha melakar semula pembangunan negara seperti digariskan dalam Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13). Perbelanjaan pembangunan disalurkan kepada wawasan yang mengangkat hala tuju negara daripada fasa reformasi kepada transformasi, yakni meningkatkan nilai tambah, memantapkan kecekapan, dan memperhebatkan daya tarikan pelaburan.

Langkah ini dibina atas nilai MADANI yang menekankan pembangunan teranglum dan keadilan sosial. Ia meneruskan kesinambungan dasar utama seperti Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR), Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030), Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35) dan Strategi Semikonduktor Nasional (NSS). Belanjawan ini juga mengangkat Tahun Melawat Malaysia 2026 sebagai pemangkin sektor pelancongan dan perkhidmatan negara. Berteraskan kebhinekaan budaya yang mewarnai masyarakat Malaysia serta khazanah alam semula jadi yang kaya, Kerajaan MADANI beriltizam menjadikan Malaysia destinasi pelancongan yang disegani di pentas dunia.

Segala kudrat dan iltizam rakyat adalah tenaga penggerak reformasi. Maka wajarlah Kerajaan turut mendengar suara dan rintihan mereka sebagai pedoman dalam merangka Belanjawan 2026. Justeru, Kerajaan MADANI telah mengadakan siri jelajah, sesi libat urus, dan menyediakan Portal Cadangan Belanjawan untuk menghimpunkan pandangan daripada segenap lapisan — daripada industri, akademik, agama dan NGO, hinggalah penjawat awam dan rakyat jelata. Kerajaan merakamkan penghargaan setinggi-tingginya atas sumbangan tersebut.

Belanjawan 2026 mencerminkan tekad Kerajaan MADANI untuk membawa Malaysia terus melangkah ke hadapan di tengah ketidakpastian global. Segala perancangan ini hanya bermakna jika dilaksanakan dengan amanah dan kesungguhan oleh setiap penjawat awam — demi kesejahteraan rakyat dan kemuliaan negara. Insha-Allah.

ANWAR IBRAHIM

10 Oktober 2025

(Muka surat ini dibiarkan kosong)

ANGGARAN PERBELANJAAN PERSEKUTUAN 2026

ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS

(a) Perbelanjaan Tanggungan RM 109,121,187,300

(b) Perbelanjaan Bekalan RM 229,080,812,700

RM 338,202,000,000

ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

(a) Cara Langsung RM 79,981,683,700

(b) Pinjaman RM 1,018,316,300

(c) Simpanan Luar Jangka RM 2,000,000,000

RM 83,000,000,000

JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN PERSEKUTUAN

RM 421,202,000,000

(Muka surat ini dibiarkan kosong)

KANDUNGAN

Prakata	iii
Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2026	v
Tinjauan Belanjawan 2026	1
Ringkasan Perbelanjaan Sebenar dan Anggaran Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan	21
Ringkasan Anggaran Perbelanjaan Tanggungan	37
Ringkasan Anggaran Perbelanjaan Bekalan/Pembangunan	73

ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS DAN PEMBANGUNAN SERTA PROGRAM DAN PRESTASI 2026

T.1	Peruntukan Diraja Bagi S.P.B. Yang di-Pertuan Agong	38
T.2	Elaun-elaun Diraja	40
T.3	Ketua Hakim Negara, Hakim Besar dan Hakim	42
T.4	Ketua Audit Negara	44
T.5	Yang di-Pertua Dewan Rakyat	46
T.6	Yang di-Pertua Dewan Negara	48
T.7	Suruhanjaya Pilihan Raya	50
T.8	Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan	52
T.9	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	54
T.10	Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan	56
T.11	Suruhanjaya Pasukan Polis	58
T.12	Perbendaharaan	60
T.13	Perbelanjaan Kerana Hutang Negara	64
T.14	Pencen, Elaun Bersara dan Ganjaran	67
B.1	Parlimen Malaysia	75
B.2	Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja	81
B.3	Jabatan Audit Negara	85

B.4	Suruhanjaya Pilihan Raya	91
B.5	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	97
B/P.6	Jabatan Perdana Menteri	105
B/P.7	Jabatan Perkhidmatan Awam	129
B.8	Jabatan Peguam Negara	139
B.9	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	149
	Kementerian Kewangan	
B/P.10	Perbendaharaan	161
B.11	Perkhidmatan Am Perbendaharaan	177
B.12	Peruntukan Kepada Kumpulan Wang Terkanun	182
B/P.13	Kementerian Luar Negeri	187
B/P.14	Kementerian Perpaduan Negara	201
B/P.15	Kementerian Ekonomi	209
B/P.20	Kementerian Perladangan dan Komoditi	219
B/P.21	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan	227
B/P.22	Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah	243
B/P.23	Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam	261
B/P.24	Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri	279
B/P.25	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup	295
B/P.26	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi	307
B/P.27	Kementerian Kerja Raya	317
B/P.28	Kementerian Pengangkutan	333
B/P.30	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	347
B/P.31	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya	361
B/P.33	Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air	375
B.40	Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan	387
B/P.42	Kementerian Kesihatan	393
B/P.43	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	417

B/P.45	Kementerian Belia dan Sukan	431
B/P.46	Kementerian Sumber Manusia	441
B/P.47	Kementerian Komunikasi	453
B/P.48	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	469
B/P.50	Kementerian Digital	479
B/P.60	Kementerian Pertahanan	491
B/P.62	Kementerian Dalam Negeri	501
B/P.63	Kementerian Pendidikan	515
B/P.64	Kementerian Pendidikan Tinggi	533
P.70	Simpanan Luar Jangka	549

LAMPIRAN

A	Kumpulan Wang Pembangunan 2025 - Pro-Forma Penyata Penerimaan dan Pembayaran bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2025	552
B	Kumpulan Wang Pembangunan 2026 - Pro-Forma Penyata Penerimaan dan Pembayaran bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2026	553
C	Ringkasan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 2026 Mengikut Objek Sebagai dan Am	555
C-1	Butir-butir Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 2026	556
D	Ringkasan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2026	566
E	Pemberian Sebenar Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Tahun 2024	567
F	Jadual Butiran Tahun 2025 yang Dimansuhkan daripada Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2026	568

(Muka surat ini dibiarkan kosong)


Tinjauan Belanjawan 2026

Buku Anggaran Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan 2026 mengandungi penyata Anggaran Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan yang merangkumi Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan bagi semua agensi Kerajaan Persekutuan untuk tahun 2026.

Agihan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2026

Sejumlah **RM421.20 bilion** diperakukan di bawah Anggaran Perbelanjaan Persekutuan bagi tahun 2026. Bahagian terbesar perbelanjaan tahun 2026 adalah di bawah **Perbelanjaan Bekalan** yang merupakan antara input utama Kementerian/Jabatan untuk melaksanakan program dan aktiviti yang dirancang pada tahun 2026 berjumlah **RM229.08 bilion (54.4%)**, manakala **Perbelanjaan Tanggungan** yang merupakan kehendak di bawah Perlembagaan Persekutuan berjumlah **RM109.12 bilion (25.9%)**. **Perbelanjaan Pembangunan** yang akan menjadi penggerak kepada memperkukuh pertumbuhan ekonomi bagi tahun 2026 berjumlah **RM83.00 bilion (19.7%)**.


Carta 1 : Agihan Anggaran Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan bagi Tahun 2026



Agihan Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2026

Sejumlah **RM338.20 bilion** diperuntukkan bagi tahun 2026 untuk menggerak dan melancarkan pelaksanaan program dan aktiviti Kementerian/Jabatan. Perkhidmatan Awam merupakan input terpenting Kerajaan yang bertindak sebagai penggerak utama kepada pelaksanaan program dan aktiviti dalam menyampaikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Oleh yang demikian, emolumen Perkhidmatan Awam Persekutuan disediakan peruntukan sebanyak RM109.36 bilion bagi tahun 2026. Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap disediakan peruntukan sebanyak RM186.62 bilion di bawah Perbelanjaan Mengurus.


Carta 2 : Agihan Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2026



Perincian Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2026 Mengikut Sektor

Perincian Perbelanjaan Mengurus dipecahkan mengikut sektor yang merangkumi Sektor Pentadbiran, Sektor Ekonomi, Sektor Sosial, Sektor Keselamatan dan Sektor-Sektor Lain yang terdiri daripada Tanggungan Tertentu dan Bayaran Pindahan. Agihan Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2026 memperuntukkan perbelanjaan terbesar di Sektor Sosial. Hal ini selaras dengan hasrat Kerajaan untuk memberi tumpuan kepada usaha dan tindakan meningkatkan tahap pendidikan, kesihatan, kebajikan dan kesejahteraan rakyat.

Carta 3 : Agihan Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2026 Mengikut Sektor



Perincian Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2026 Mengikut Sektor Pentadbiran

Sektor Pentadbiran diperuntukkan Anggaran Perbelanjaan Mengurus berjumlah **RM16.81 bilion** dengan agihan kepada empat Sub Sektor seperti di **Carta 4**. Sub Sektor Perkhidmatan-perkhidmatan Am menerima agihan peruntukan tertinggi berjumlah RM15.00 bilion yang melibatkan anggaran peruntukan bagi tujuan penyelarasan, pengurusan dan pentadbiran. Peruntukan ini juga merangkumi perbelanjaan bagi kelengkapan bangunan yang menjadi keperluan pengoperasian Kementerian/Jabatan.

Carta 4 : Agihan Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2026 Sektor Pentadbiran



Perincian Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2026 Mengikut Sektor Ekonomi

Sektor Ekonomi diperuntukkan Anggaran Perbelanjaan Mengurus berjumlah **RM22.08 bilion** dengan agihan kepada sembilan Sub Sektor seperti di **Carta 5**. Sub Sektor Pengangkutan dipertanggungjawabkan dengan peruntukan terbesar di bawah Sektor Ekonomi dengan peruntukan berjumlah RM7.21 bilion bagi perbelanjaan operasi yang melibatkan darat, laut dan udara. Hal ini adalah bertepatan dengan matlamat negara untuk mewujudkan sistem pengangkutan yang cekap, selamat, inklusif dan mampan. Selain itu, Sub Sektor Pertanian merupakan antara penerima peruntukan terbesar di bawah Sektor Ekonomi dengan peruntukan berjumlah RM5.02 bilion selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mengukuhkan sektor pertanian bagi memastikan keterjaminan makanan yang mampan. Kerajaan juga akan menggalakkan pengeluaran produk-produk berasaskan pertanian yang bermutu dan bernilai tinggi bagi peluasan industri sokongan kepada Sektor Ekonomi secara keseluruhannya.

Carta 5 : Agihan Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2026 Sektor Ekonomi




Perincian Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2026 Mengikut Sektor Sosial

Sektor Sosial diperuntukkan Anggaran Perbelanjaan Mengurus berjumlah **RM127.33 bilion** dan melibatkan pengagihan kepada lapan Sub Sektor seperti di **Carta 6**. Pembangunan modal insan pada semua peringkat merupakan tumpuan utama Kerajaan dalam setiap rancangan pembangunan negara dan ini diterjemahkan melalui pengagihan peruntukan terbesar di bawah Sub Sektor

Pelajaran dan Latihan dengan peruntukan berjumlah RM74.37 bilion. Kerajaan memberi penekanan kepada kepentingan akses sejagat untuk pendidikan berkualiti dengan memberi peningkatan tumpuan kepada pendidikan bakat untuk persiapan masa hadapan. Selain itu, Kerajaan masih kekal memberikan tumpuan kepada aspek kesihatan rakyat dengan memberikan perkhidmatan terbaik dan mudahcapai dengan kos yang rendah. Oleh yang demikian, Kerajaan memperuntukkan Sub Sektor Kesihatan dan Kependudukan dengan peruntukan mengurus berjumlah RM40.13 bilion, iaitu peruntukan kedua tertinggi di bawah Sektor Sosial. Hal ini adalah bertepatan dengan fokus Kerajaan untuk menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti bagi menjamin kesejahteraan rakyat.


Carta 6 : Agihan Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2026 Sektor Sosial



Perincian Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2026 Mengikut Sektor Keselamatan

Sektor Keselamatan diperuntukkan Anggaran Perbelanjaan Mengurus berjumlah **RM32.72 bilion** dengan agihan kepada dua Sub Sektor iaitu Keselamatan Dalam Negeri sebanyak RM18.61 bilion dan Pertahanan RM14.11 bilion seperti di **Carta 7**. Peruntukan bagi Sektor Keselamatan bertepatan dengan peranan Kerajaan untuk memastikan kedaulatan dan keselamatan negara sentiasa dilindungi. Oleh yang demikian, Kerajaan tidak akan berkompromi dalam hal keselamatan demi memelihara nyawa dan memastikan keamanan negara sentiasa terjamin.

Carta 7 : Agihan Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2026 Sektor Keselamatan



Perincian Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2026 Mengikut Sektor-Sektor Lain


Anggaran Perbelanjaan Mengurus yang disediakan untuk Sektor Tanggungan Tertentu dan Sektor Bayaran Pindahan berjumlah RM139.26 bilion seperti di **Carta 8** dan **Carta 9**. Sektor Tanggungan Tertentu diperuntukkan sebanyak RM100.89 bilion. Sub Sektor Perbelanjaan Kerana Hutang Negara menerima agihan peruntukan terbesar berjumlah RM58.30 bilion. Bahagian kedua terbesar ialah Sub Sektor Pencen dan Ganjaran berjumlah RM42.15 bilion.

Carta 8 : Agihan Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2026 Sektor Tanggungan Tertentu



Sektor Bayaran Pindahan diperuntukkan sejumlah RM38.37 bilion dan diagihkan kepada empat Sub Sektor seperti di **Carta 9**. Sub Sektor Bayaran Pindahan Lain menerima peruntukan tertinggi iaitu berjumlah RM33.61 bilion di mana pembayaran bagi menampung subsidi antaranya subsidi produk petroleum.


Carta 9 : Agihan Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2026 Bayaran Pindahan



Arah Aliran Perbelanjaan Mengurus 2022-2026

Bagi tempoh 2022-2026, arah aliran Perbelanjaan Mengurus (termasuk pindahan lebihan hasil ke Kumpulan Wang Pembangunan) meningkat daripada RM294.30 bilion (2022) kepada RM324.62 bilion (2024). Peruntukan Mengurus bagi tahun 2026 juga meningkat berbanding tahun 2025 seperti di **Carta 10**.

Carta 10 : Arah Aliran Perbelanjaan Mengurus 2021-2025




Nota: 2022-2024 adalah merujuk kepada perbelanjaan sebenar manakala 2025-2026 merujuk kepada peruntukan asal

Perbelanjaan Mengurus 2022-2026 Mengikut Sektor

Perbelanjaan Mengurus dibahagikan kepada Sektor Pentadbiran, Ekonomi, Sosial dan Keselamatan serta Tanggungan Tertentu dan Bayaran Pindahan. Bagi tempoh 2022-2026, perbelanjaan yang terbesar diagihkan kepada Sektor Sosial iaitu secara purata sebanyak 37.3% diikuti oleh Sektor Tanggungan Tertentu sebanyak 28.1%. Sektor-sektor lain menerima peruntukan seperti di **Carta 11**.

Carta 11 : Peratus Perbelanjaan Mengurus Tahun 2022-2026 Mengikut Sektor




Nota: 2022-2024 adalah merujuk kepada perbelanjaan sebenar manakala 2025-2026 merujuk kepada peruntukan asal

Agihan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2026

Sejumlah **RM83.00 bilion** diperuntukkan di bawah Anggaran Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 2026. Pecahan utama Anggaran Perbelanjaan Pembangunan adalah seperti di **Carta 12**.


Carta 12 : Agihan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2026



Perincian Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2026 Mengikut Sektor

Perincian Perbelanjaan Pembangunan dipecahkan mengikut sektor yang merangkumi Sektor Pentadbiran, Sektor Ekonomi, Sektor Sosial, Sektor Keselamatan dan Simpanan Luar Jangka seperti di **Carta 13**. Agihan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2026 memperuntukkan perbelanjaan terbesar di bawah Sektor Ekonomi bagi meningkatkan daya saing dan produktiviti melalui pelbagai projek yang sedang dan akan dilaksanakan sekaligus memperkukuh daya tahan ekonomi negara. Belanjawan 2026 akan terus mengutamakan kesejahteraan rakyat dan pembaharuan ekonomi yang menyokong pertumbuhan.


Carta 13 : Agihan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2026 Mengikut Sektor



Perincian Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2026 Mengikut Sektor Pentadbiran

Sektor Pentadbiran diperuntukkan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan berjumlah **RM3.89 bilion** dengan agihan kepada dua Sub Sektor seperti di **Carta 14**. Sub Sektor Perkhidmatan-perkhidmatan Am menerima peruntukan tertinggi berjumlah RM2.95 bilion bagi membiayai projek-projek pengkomputeran dan naik taraf bangunan di Kementerian/Jabatan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat yang lebih cekap dan teratur.


Carta 14 : Agihan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2026 Sektor Pentadbiran



Perincian Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2026 Mengikut Sektor Ekonomi

Sektor Ekonomi diperuntukkan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan berjumlah **RM36.78 bilion** dengan agihan kepada 10 Sub Sektor seperti di **Carta 15**. Kerajaan masih memberi tumpuan kepada pelaksanaan projek-projek kemudahan pengangkutan seperti lebuh raya dan pembinaan landasan kereta api dengan peruntukan sebanyak RM17.53 bilion diikuti dengan Sub Sektor Kewangan sebanyak RM4.30 bilion.


Carta 15 : Agihan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2026 Sektor Ekonomi



Perincian Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2026 Mengikut Sektor Sosial

Sektor Sosial diperuntukkan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan berjumlah **RM28.59 bilion** dengan agihan kepada lapan Sub Sektor seperti di **Carta 16**. Sub Sektor Pelajaran dan Latihan menerima peruntukan tertinggi berjumlah RM14.45 bilion selaras dengan tumpuan Kerajaan kepada pembangunan modal insan. Selain itu, Sub Sektor Kesihatan dan Kependudukan turut menjadi tumpuan Kerajaan dengan agihan peruntukan berjumlah RM6.97 bilion. Kerajaan sentiasa peka dan prihatin dalam meningkatkan perkhidmatan sektor kesihatan memandangkan ianya berurusan secara langsung kepada rakyat.


Carta 16 : Agihan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2026 Sektor Sosial



Perincian Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2026 Mengikut Sektor Keselamatan

Sektor Keselamatan diperuntukkan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan berjumlah **RM11.74 bilion** dengan agihan kepada dua Sub Sektor seperti di **Carta 17**. Sub Sektor Pertahanan menerima peruntukan berjumlah RM8.07 bilion melibatkan projek penyenggaraan berskala besar dan perolehan aset ketenteraan. Sub Sektor Keselamatan Dalam Negeri menerima peruntukan bagi membiayai projek-projek antaranya di bawah Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Penjara Malaysia.

Carta 17 : Agihan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2026 Sektor Keselamatan



Simpanan Luar Jangka

Baki Anggaran Perbelanjaan Pembangunan berjumlah **RM2.00 bilion** disediakan di bawah peruntukan **Simpanan Luar Jangka** bagi membiayai projek pembangunan yang memerlukan peruntukan tambahan di luar jangkaan.


Komitmen Jaminan dan Liabiliti Kerajaan

Daripada keseluruhan Anggaran Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan berjumlah RM421.20 bilion, sebanyak RM13.94 bilion diperuntukkan bagi membiayai komitmen jaminan dan liabiliti Kerajaan yang merangkumi bayaran *Public Private Partnership*-Unit Kerjasama Awam Swasta (PPP-UKAS) dan bayaran pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan.

Arah Aliran Perbelanjaan Pembangunan 2022-2026

Arah aliran Perbelanjaan Pembangunan bagi pelaksanaan projek/program untuk tahun 2022-2026 seperti di **Carta 18**.

Carta 18 : Arah Aliran Perbelanjaan Pembangunan 2022-2026




Nota: 2022-2024 adalah merujuk kepada perbelanjaan sebenar manakala 2025-2026 merujuk kepada peruntukan asal

Perbelanjaan Pembangunan 2022-2026 Mengikut Sektor

Perbelanjaan Pembangunan dibahagikan kepada Sektor Pentadbiran, Ekonomi, Sosial dan Keselamatan serta Simpanan Luar Jangka. Bagi tempoh 2022-2026, perbelanjaan yang terbesar diagihkan kepada dua sektor iaitu Sektor Ekonomi dan Sektor Sosial. Kerajaan sentiasa memberi keutamaan memperkukuh momentum pemulihan ekonomi, memperkukuh agenda pembangunan mampan serta mewujudkan perlindungan sosial yang lebih baik.

Carta 19 : Peratus Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2022-2026 Mengikut Sektor




Nota: 2022-2024 adalah merujuk kepada perbelanjaan sebenar manakala 2025-2026 merujuk kepada peruntukan asal

Pemetaan Anggaran Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan Kepada Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals - SDG*)

Anggaran Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan Tahun 2026 telah dipetakan kepada SDG bagi menyokong penuh hasrat Kerajaan menambahbaik tatakelola dalam penyampaian perkhidmatan dan merencanakan pembangunan negara yang komprehensif serta inklusif. Berdasarkan **Carta 20**, sebahagian besar SDG menerima peningkatan peruntukan pada tahun 2026.

Carta 20 : Agihan Anggaran Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan Tahun 2025 dan 2026 Mengikut SDG



Nota: *Tidak termasuk Simpanan Luar Jangka berjumlah RM2 bilion

Merujuk kepada **Jadual 1**, SDG 4 (Pendidikan Berkualiti) mencatatkan agihan tertinggi pemetaan Belanjawan 2026 kepada SDG iaitu sebanyak 20.6%, disusuli dengan SDG 16 (Keamanan, Keadilan dan Keutuhan Institusi) sebanyak 19.3% dan SDG 3 (Kesihatan dan Kesejahteraan yang Baik) sebanyak 11.7%. SDG 3 (Kesihatan dan Kesejahteraan yang Baik) merekodkan peningkatan tertinggi berbanding SDG lain dalam agihan Anggaran Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan 2026 iaitu sebanyak RM831 juta. Peningkatan kedua dan ketiga

tertinggi adalah berjumlah RM765 juta iaitu SDG 1 (Tiada Kemiskinan) dan disusuli dengan SDG 10 (Pengurangan Ketidaksamarataan) sebanyak RM674 juta. Peningkatan peruntukan bagi SDG yang terlibat menunjukkan tumpuan utama Belanjawan 2026 adalah bagi menambahbaik kualiti pendidikan melalui pelbagai aspek termasuk menaik taraf fasiliti pendidikan, kebajikan pelajar dan akses bantuan kewangan bagi pendidikan. Penumpuan khusus juga diberi kepada usaha meningkatkan kualiti, taraf kesihatan dan kesejahteraan rakyat. Selain itu, Kerajaan sentiasa memberi perhatian dalam memastikan keselamatan, keamanan dan kedaulatan negara terjamin melalui pengukuhan institusi pertahanan, keselamatan dalam negeri dan penguatkuasaan. Seterusnya, fokus menangani kemiskinan dan sara hidup rakyat sentiasa menjadi agenda utama Kerajaan agar tiada rakyat yang keciciran dalam mengecapi kesejahteraan dan terus terpelihara kebajikannya.

Jadual 1 : Agihan Anggaran Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan Mengikut SDG


SDG	2025	2026		
	Peruntukan Asal (RM bilion)	Syor (RM bilion)	Bahagian (%)	Perubahan (%)
Matlamat 4 Pendidikan Berkualiti	86.3	86.5	20.6	0.3
Matlamat 16 Keamanan, Keadilan dan Keutuhan Institusi	80.1	80.7	19.3	0.8
Matlamat 3 Kesihatan dan Kesejahteraan yang Baik	48.3	49.1	11.7	1.7
Matlamat 10 Pengurangan Ketidaksamarataan	46.8	47.5	11.3	1.4
Matlamat 9 Industri Inovasi dan Infrastruktur	36.8	37.2	8.9	1.0
Matlamat 8 Kerja Wajar dan Pertumbuhan Ekonomi	32.3	32.6	7.8	0.7
Matlamat 11 Bandar dan Komuniti Mampan	27.3	27.5	6.6	0.6
Matlamat 1 Tiada Kemiskinan	11.9	12.7	3.0	6.4
Matlamat 2 Kebuluran Sifar	9.5	10.2	2.4	7.1
Matlamat 17 Kerjasama Demi Matlamat	5.7	6.3	1.5	10.8
Matlamat 6 Air Bersih dan Sanitasi	9.6	6.2	1.5	(35.6)
Matlamat 13 Tindakan Iklim	5.2	5.3	1.3	2.8
Matlamat 7 Tenaga Mampu Bayar dan Bersih	4.6	5.1	1.2	10.9
Matlamat 12 Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab	4.4	4.8	1.1	9.6
Matlamat 5 Kesaksamaan Gender	3.6	3.8	0.9	6.5
Matlamat 14 Hidupan Dalam Air	4.0	2.0	0.5	(49.9)
Matlamat 15 Hidupan di Daratan	4.6	1.7	0.4	(62.5)
JUMLAH KESELURUHAN	421.0	419.2	100.0	(0.4)

Intihanya, pemetaan ini adalah selaras dengan Kerangka Ekonomi MADANI yang komited dalam menaikkan lantai untuk meningkatkan darjat hidup rakyat dengan menaikkan siling melalui penstrukturan semula ekonomi sekali gus mencapai sasaran lebih tinggi ke arah Malaysia sebagai peneraju ekonomi Asia.


Anggaran Peruntukan Pemberian Kerajaan Persekutuan Kepada Kerajaan Negeri Tahun 2026

Pemberian dan bantuan kewangan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri disediakan di bawah Anggaran Perbelanjaan Mengurus yang merangkumi 13 jenis pemberian dan bantuan yang dianggarkan berjumlah RM10.26 bilion bagi tahun 2026, meningkat sebanyak 4.4% berbanding tahun 2025 (RM9.83 bilion).

Carta 21 : Agihan Anggaran Pemberian Kerajaan Persekutuan Kepada Kerajaan Negeri Tahun 2026



(Muka surat ini dibiarkan kosong)



**RINGKASAN
PERBELANJAAN SEBENAR
DAN ANGGARAN
PERBELANJAAN MENGURUS
DAN PEMBANGUNAN**

(Muka surat ini dibiarkan kosong)

**RINGKASAN PERBELANJAAN SEBENAR DAN
ANGGARAN PERBELANJAAN MENGRUS DAN PEMBANGUNAN**

<i>Maksud Perbelanjaan</i>	<i>Perbelanjaan Sebenar 2023</i>	<i>Perbelanjaan Sebenar 2024</i>	<i>Anggaran Asal 2025</i>	<i>Anggaran 2026</i>
	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
PERUNTUKAN DIRAJA BAGI S.P.B. YANG DI-PERTUAN AGONG				
T.1 Mengurus	13,532,893	13,306,442	13,533,000	13,533,000
Emolumen	5,999,998	7,495,281	7,602,000	7,602,000
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	7,532,895	5,811,161	5,931,000	5,931,000
JUMLAH	13,532,893	13,306,442	13,533,000	13,533,000
ELAUN-ELAUN DIRAJA				
T.2 Mengurus	1,220,890	1,312,742	1,337,000	1,337,000
Emolumen	1,220,890	1,312,742	1,337,000	1,337,000
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	0	0	0	0
JUMLAH	1,220,890	1,312,742	1,337,000	1,337,000
KETUA HAKIM NEGARA, HAKIM BESAR DAN HAKIM				
T.3 Mengurus	107,256,897	110,151,571	120,000,000	119,141,000
Emolumen	85,560,942	86,799,561	89,120,000	88,990,000
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	21,695,955	23,352,010	30,880,000	30,151,000
JUMLAH	107,256,897	110,151,571	120,000,000	119,141,000
KETUA AUDIT NEGARA				
T.4 Mengurus	873,722	817,604	900,400	900,400
Emolumen	356,502	480,588	498,700	498,700
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	517,220	337,016	401,700	401,700
JUMLAH	873,722	817,604	900,400	900,400
YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT				
T.5 Mengurus	564,000	564,000	564,000	564,000
Emolumen	564,000	564,000	564,000	564,000
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	0	0	0	0
JUMLAH	564,000	564,000	564,000	564,000
YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA				
T.6 Mengurus	497,097	375,892	504,000	504,000
Emolumen	497,097	375,892	504,000	504,000
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	0	0	0	0
JUMLAH	497,097	375,892	504,000	504,000

**RINGKASAN PERBELANJAAN SEBENAR DAN
ANGGARAN PERBELANJAAN MENGRUS DAN PEMBANGUNAN**

<i>Maksud Perbelanjaan</i>	<i>Perbelanjaan Sebenar 2023</i>	<i>Perbelanjaan Sebenar 2024</i>	<i>Anggaran Asal 2025</i>	<i>Anggaran 2026</i>
	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
SURUHANJAYA PILIHAN RAYA				
T.7	2,091,925	2,284,731	2,583,200	2,583,200
Mengurus				
Emolumen	1,882,400	1,907,044	2,287,700	2,287,700
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	209,525	377,686	295,500	295,500
JUMLAH	2,091,925	2,284,731	2,583,200	2,583,200
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN				
T.8	5,200	5,800	11,600	11,600
Mengurus				
Emolumen	0	0	0	0
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	5,200	5,800	11,600	11,600
JUMLAH	5,200	5,800	11,600	11,600
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM				
T.9	4,914,269	4,455,344	6,291,600	5,870,000
Mengurus				
Emolumen	3,961,072	3,138,478	3,377,800	4,539,000
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	953,197	1,316,866	2,913,800	1,331,000
JUMLAH	4,914,269	4,455,344	6,291,600	5,870,000
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN				
T.10	5,225,826	5,226,599	5,795,400	5,895,400
Mengurus				
Emolumen	4,053,571	4,064,800	4,077,700	4,184,100
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	1,172,255	1,161,799	1,717,700	1,711,300
JUMLAH	5,225,826	5,226,599	5,795,400	5,895,400
SURUHANJAYA PASUKAN POLIS				
T.11	2,042,325	2,313,495	2,726,400	2,506,500
Mengurus				
Emolumen	1,599,463	1,788,099	1,824,700	1,821,000
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	442,862	525,396	901,700	685,500
JUMLAH	2,042,325	2,313,495	2,726,400	2,506,500
PERBENDAHARAAN				
T.12	7,302,103,159	7,599,169,956	8,107,577,600	8,357,357,600
Mengurus				
Emolumen	0	0	0	0
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	7,302,103,159	7,599,169,956	8,107,577,600	8,357,357,600
JUMLAH	7,302,103,159	7,599,169,956	8,107,577,600	8,357,357,600

**RINGKASAN PERBELANJAAN SEBENAR DAN
ANGGARAN PERBELANJAAN MENGRUS DAN PEMBANGUNAN**

<i>Maksud Perbelanjaan</i>	<i>Perbelanjaan Sebenar 2023</i>	<i>Perbelanjaan Sebenar 2024</i>	<i>Anggaran Asal 2025</i>	<i>Anggaran 2026</i>
	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
PERBELANJAAN KERANA HUTANG NEGARA				
T.13 Mengurus	46,331,373,466	50,481,359,234	54,700,000,500	58,300,000,000
Emolumen	0	0	0	0
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	46,331,373,466	50,481,359,234	54,700,000,500	58,300,000,000
JUMLAH	46,331,373,466	50,481,359,234	54,700,000,500	58,300,000,000
PENCEN, ELAUN BERSARA DAN GANJARAN				
T.14 Mengurus	32,372,908,762	33,622,318,865	39,084,161,000	42,310,983,600
Emolumen	0	0	0	0
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	32,372,908,762	33,622,318,865	39,084,161,000	42,310,983,600
JUMLAH	32,372,908,762	33,622,318,865	39,084,161,000	42,310,983,600
RINGKASAN MAKSUD TANGGUNGAN				
Mengurus	86,144,610,431	91,843,662,275	102,045,985,700	109,121,187,300
Emolumen	105,695,935	107,926,485	111,193,600	112,327,500
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	86,038,914,496	91,735,735,789	101,934,792,100	109,008,859,800
JUMLAH TANGGUNGAN	86,144,610,431	91,843,662,275	102,045,985,700	109,121,187,300

**RINGKASAN PERBELANJAAN SEBENAR DAN
ANGGARAN PERBELANJAAN MENGRUS DAN PEMBANGUNAN**

<i>Maksud Perbelanjaan</i>	<i>Perbelanjaan Sebenar 2023</i>	<i>Perbelanjaan Sebenar 2024</i>	<i>Anggaran Asal 2025</i>	<i>Anggaran 2026</i>
	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
PARLIMEN MALAYSIA				
B.1 Mengurus	166,730,680	161,265,784	180,084,500	183,574,300
Emolumen	102,850,203	101,000,945	107,519,000	110,532,600
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	63,880,477	60,264,839	72,565,500	73,041,700
JUMLAH	166,730,680	161,265,784	180,084,500	183,574,300
PEJABAT PENYIMPAN MOHOR BESAR RAJA-RAJA				
B.2 Mengurus	3,197,022	3,205,325	5,246,000	5,401,100
Emolumen	1,141,007	1,195,592	1,245,600	1,523,100
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	2,056,015	2,009,733	4,000,400	3,878,000
JUMLAH	3,197,022	3,205,325	5,246,000	5,401,100
JABATAN AUDIT NEGARA				
B.3 Mengurus	160,836,583	166,700,292	183,735,200	216,391,000
Emolumen	123,382,400	124,608,059	135,950,200	148,356,800
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	37,454,183	42,092,233	47,785,000	68,034,200
JUMLAH	160,836,583	166,700,292	183,735,200	216,391,000
SURUHANJAYA PILIHAN RAYA				
B.4 Mengurus	310,946,583	71,692,050	165,467,800	367,398,100
Emolumen	41,456,093	43,473,806	45,160,100	49,824,300
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	269,490,490	28,218,244	120,307,700	317,573,800
JUMLAH	310,946,583	71,692,050	165,467,800	367,398,100
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM				
B.5 Mengurus	41,817,960	43,560,060	47,755,000	57,791,000
Emolumen	25,998,791	27,029,006	28,852,700	34,455,800
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	15,819,169	16,531,054	18,902,300	23,335,200
JUMLAH	41,817,960	43,560,060	47,755,000	57,791,000

**RINGKASAN PERBELANJAAN SEBENAR DAN
ANGGARAN PERBELANJAAN MENGEURUS DAN PEMBANGUNAN**

<i>Maksud Perbelanjaan</i>	<i>Perbelanjaan Sebenar 2023</i>	<i>Perbelanjaan Sebenar 2024</i>	<i>Anggaran Asal 2025</i>	<i>Anggaran 2026</i>
	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
JABATAN PERDANA MENTERI				
B.6 Mengurus	4,318,545,152	4,775,178,337	5,265,758,200	5,368,727,300
Emolumen	1,211,210,015	1,198,325,116	1,254,041,700	1,363,097,800
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	3,107,335,137	3,576,853,221	4,011,716,500	4,005,629,500
P.6 Pembangunan	6,913,623,616	5,543,950,157	5,781,174,900	5,324,584,300
Cara Langsung	6,913,623,616	5,543,950,157	5,781,174,900	5,324,584,300
Pinjaman	0	0	0	0
JUMLAH	11,232,168,768	10,319,128,494	11,046,933,100	10,693,311,600
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM				
B.7 Mengurus	624,763,806	1,649,317,595	523,726,900	524,858,400
Emolumen	244,509,362	249,221,160	299,373,000	281,829,500
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	380,254,444	1,400,096,435	224,353,900	243,028,900
P.7 Pembangunan	917,530,606	899,726,867	1,142,254,400	1,141,418,000
Cara Langsung	917,530,606	899,726,867	1,142,254,400	1,141,418,000
Pinjaman	0	0	0	0
JUMLAH	1,542,294,412	2,549,044,462	1,665,981,300	1,666,276,400
JABATAN PEGUAM NEGARA				
B.8 Mengurus	196,327,809	226,175,553	267,974,200	280,844,000
Emolumen	147,341,750	151,690,604	161,257,600	174,493,600
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	48,986,059	74,484,948	106,716,600	106,350,400
JUMLAH	196,327,809	226,175,553	267,974,200	280,844,000
SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA				
B.9 Mengurus	310,421,264	312,998,456	343,451,100	397,899,800
Emolumen	217,983,555	231,220,944	240,296,200	281,031,900
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	92,437,709	81,777,512	103,154,900	116,867,900
JUMLAH	310,421,264	312,998,456	343,451,100	397,899,800

**RINGKASAN PERBELANJAAN SEBENAR DAN
ANGGARAN PERBELANJAAN MENGRUS DAN PEMBANGUNAN**

<i>Maksud Perbelanjaan</i>	<i>Perbelanjaan Sebenar 2023</i>	<i>Perbelanjaan Sebenar 2024</i>	<i>Anggaran Asal 2025</i>	<i>Anggaran 2026</i>
	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
KEMENTERIAN KEWANGAN				
Perbendaharaan				
B.10 Mengurus	4,199,995,541	4,414,558,227	4,515,007,800	4,604,627,700
Emolumen	1,252,621,765	1,251,005,217	1,299,880,400	1,416,285,400
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	2,947,373,776	3,163,553,010	3,215,127,400	3,188,342,300
P.10 Pembangunan	29,851,630,333	14,454,283,483	7,623,348,800	2,191,437,900
Cara Langsung	29,851,630,333	14,454,283,483	7,623,348,800	2,191,437,900
Pinjaman	0	0	0	0
JUMLAH	34,051,625,874	18,868,841,710	12,138,356,600	6,796,065,600
Perkhidmatan Am Perbendaharaan				
B.11 Mengurus	66,155,994,695	60,371,261,102	49,867,423,700	38,244,751,700
Emolumen	1,497,479,466	2,176,248,174	2,417,821,300	0
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	64,658,515,229	58,195,012,928	47,449,602,400	38,244,751,700
JUMLAH	66,155,994,695	60,371,261,102	49,867,423,700	38,244,751,700
Peruntukan Kepada Kumpulan Wang Terkanun				
B.12 Mengurus	5,647,742,954	4,775,227,657	1,899,500,600	1,941,100,500
Emolumen	0	0	0	0
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	5,647,742,954	4,775,227,657	1,899,500,600	1,941,100,500
JUMLAH	5,647,742,954	4,775,227,657	1,899,500,600	1,941,100,500
Mengurus	76,003,733,190	69,561,046,986	56,281,932,100	44,790,479,900
Emolumen	2,750,101,231	3,427,253,391	3,717,701,700	1,416,285,400
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	73,253,631,959	66,133,793,595	52,564,230,400	43,374,194,500
Pembangunan	29,851,630,333	14,454,283,483	7,623,348,800	2,191,437,900
Cara Langsung	29,851,630,333	14,454,283,483	7,623,348,800	2,191,437,900
Pinjaman	0	0	0	0
JUMLAH KEMENTERIAN KEWANGAN	105,855,363,523	84,015,330,469	63,905,280,900	46,981,917,800

**RINGKASAN PERBELANJAAN SEBENAR DAN
ANGGARAN PERBELANJAAN MENURUS DAN PEMBANGUNAN**

<i>Maksud Perbelanjaan</i>	<i>Perbelanjaan Sebenar 2023</i>	<i>Perbelanjaan Sebenar 2024</i>	<i>Anggaran Asal 2025</i>	<i>Anggaran 2026</i>
	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
KEMENTERIAN LUAR NEGERI				
B.13 Mengurus	785,845,851	855,341,185	1,559,050,100	982,698,600
Emolumen	377,708,616	390,078,744	453,550,900	456,919,300
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	408,137,235	465,262,442	1,105,499,200	525,779,300
P.13 Pembangunan	111,452,422	116,113,678	209,896,500	218,145,500
Cara Langsung	111,452,422	116,113,678	209,896,500	218,145,500
Pinjaman	0	0	0	0
JUMLAH	897,298,273	971,454,863	1,768,946,600	1,200,844,100
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA				
B.14 Mengurus	541,594,058	549,021,695	587,351,800	650,476,100
Emolumen	197,907,786	203,036,817	223,506,200	251,771,600
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	343,686,272	345,984,879	363,845,600	398,704,500
P.14 Pembangunan	25,111,400	80,107,101	123,995,000	117,517,200
Cara Langsung	25,111,400	80,107,101	123,995,000	117,517,200
Pinjaman	0	0	0	0
JUMLAH	566,705,458	629,128,797	711,346,800	767,993,300
KEMENTERIAN EKONOMI				
B.15 Mengurus	535,475,845	544,176,297	600,847,800	632,395,100
Emolumen	214,467,600	221,339,000	237,559,800	261,271,600
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	321,008,245	322,837,297	363,288,000	371,123,500
P.15 Pembangunan	3,339,196,915	2,117,475,135	2,437,448,500	2,115,379,800
Cara Langsung	3,299,264,174	2,094,375,082	2,257,380,600	1,999,399,800
Pinjaman	39,932,741	23,100,052	180,067,900	115,980,000
JUMLAH	3,874,672,760	2,661,651,432	3,038,296,300	2,747,774,900
KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI				
B.20 Mengurus	228,127,905	318,764,224	446,019,400	477,821,300
Emolumen	23,227,729	24,623,971	28,579,200	28,990,300
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	204,900,176	294,140,253	417,440,200	448,831,000
P.20 Pembangunan	252,357,236	289,325,243	304,717,700	332,265,500
Cara Langsung	202,357,236	239,325,243	254,717,700	332,265,500
Pinjaman	50,000,000	50,000,000	50,000,000	0
JUMLAH	480,485,141	608,089,466	750,737,100	810,086,800

**RINGKASAN PERBELANJAAN SEBENAR DAN
ANGGARAN PERBELANJAAN MENGRUS DAN PEMBANGUNAN**

<i>Maksud Perbelanjaan</i>	<i>Perbelanjaan Sebenar 2023</i>	<i>Perbelanjaan Sebenar 2024</i>	<i>Anggaran Asal 2025</i>	<i>Anggaran 2026</i>
	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN				
B.21 Mengurus	3,770,550,943	4,416,167,087	4,648,958,100	4,826,625,900
Emolumen	512,979,428	522,815,843	557,959,700	603,199,600
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	3,257,571,515	3,893,351,244	4,090,998,400	4,223,426,300
P.21 Pembangunan	1,418,839,340	1,595,198,556	1,772,000,000	2,041,926,900
Cara Langsung	1,254,839,340	1,535,198,556	1,758,000,000	1,771,926,900
Pinjaman	164,000,000	60,000,000	14,000,000	270,000,000
JUMLAH	5,189,390,283	6,011,365,643	6,420,958,100	6,868,552,800
KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH				
B.22 Mengurus	3,616,364,806	3,915,541,960	4,465,472,200	4,613,177,700
Emolumen	409,608,283	424,018,366	465,312,900	500,627,500
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	3,206,756,523	3,491,523,594	4,000,159,300	4,112,550,200
P.22 Pembangunan	7,375,520,646	7,287,298,904	7,494,384,000	7,788,433,400
Cara Langsung	7,329,233,510	7,220,268,904	7,319,824,200	7,635,757,100
Pinjaman	46,287,136	67,030,000	174,559,800	152,676,300
JUMLAH	10,991,885,452	11,202,840,864	11,959,856,200	12,401,611,100
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM ¹				
B.23 Mengurus	1,654,302,781	1,361,755,725	1,407,183,200	1,495,439,200
Emolumen	786,871,538	667,364,244	696,791,100	746,485,200
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	867,431,243	694,391,481	710,392,100	748,954,000
P.23 Pembangunan	3,856,627,386	652,797,588	860,109,900	891,265,100
Cara Langsung	3,164,390,273	652,797,588	860,109,900	891,265,100
Pinjaman	692,237,113	0	0	0
JUMLAH	5,510,930,167	2,014,553,312	2,267,293,100	2,386,704,300

¹ B/P.23 - Nama Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam pada tahun 2023 adalah Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim.

**RINGKASAN PERBELANJAAN SEBENAR DAN
ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS DAN PEMBANGUNAN**

<i>Maksud Perbelanjaan</i>	<i>Perbelanjaan Sebenar 2023</i>	<i>Perbelanjaan Sebenar 2024</i>	<i>Anggaran Asal 2025</i>	<i>Anggaran 2026</i>
	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI				
B.24 Mengurus	620,371,529	636,975,881	947,901,400	658,686,700
Emolumen	79,942,548	85,592,962	94,469,400	101,527,000
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	540,428,981	551,382,919	853,432,000	557,159,700
P.24 Pembangunan	951,804,931	1,015,548,502	1,236,054,500	1,239,246,100
Cara Langsung	938,384,628	1,015,548,502	1,222,304,500	1,219,246,100
Pinjaman	13,420,303	0	13,750,000	20,000,000
JUMLAH	1,572,176,460	1,652,524,383	2,183,955,900	1,897,932,800
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP				
B.25 Mengurus	2,365,947,473	2,889,360,156	2,004,131,000	2,091,273,800
Emolumen	218,130,133	230,006,097	243,124,800	261,617,500
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	2,147,817,340	2,659,354,059	1,761,006,200	1,829,656,300
P.25 Pembangunan	59,477,577	64,868,552	72,772,700	59,440,000
Cara Langsung	59,477,577	64,868,552	72,772,700	59,440,000
Pinjaman	0	0	0	0
JUMLAH	2,425,425,050	2,954,228,708	2,076,903,700	2,150,713,800
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI				
B.26 Mengurus	212,140,420	229,535,710	263,191,800	275,730,700
Emolumen	42,288,028	46,877,750	48,475,800	56,141,100
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	169,852,392	182,657,959	214,716,000	219,589,600
P.26 Pembangunan	519,053,951	508,631,018	551,944,900	754,442,000
Cara Langsung	519,053,951	508,631,018	551,944,900	745,442,000
Pinjaman	0	0	0	9,000,000
JUMLAH	731,194,371	738,166,727	815,136,700	1,030,172,700
KEMENTERIAN KERJA RAYA				
B.27 Mengurus	865,270,779	948,012,771	1,022,337,500	1,084,692,100
Emolumen	617,433,917	671,757,843	700,401,600	756,984,000
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	247,836,862	276,254,928	321,935,900	327,708,100
P.27 Pembangunan	6,605,681,398	8,217,403,753	9,327,143,300	9,607,032,300
Cara Langsung	6,390,681,398	8,217,403,753	9,327,143,300	9,607,032,300
Pinjaman	215,000,000	0	0	0
JUMLAH	7,470,952,177	9,165,416,524	10,349,480,800	10,691,724,400

**RINGKASAN PERBELANJAAN SEBENAR DAN
ANGGARAN PERBELANJAAN MENGRUS DAN PEMBANGUNAN**

<i>Maksud Perbelanjaan</i>	<i>Perbelanjaan Sebenar 2023</i>	<i>Perbelanjaan Sebenar 2024</i>	<i>Anggaran Asal 2025</i>	<i>Anggaran 2026</i>
	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN				
B.28 Mengurus	1,536,580,092	1,627,762,406	1,702,433,900	1,659,153,900
Emolumen	572,843,301	595,202,934	614,586,000	665,293,900
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	963,736,791	1,032,559,473	1,087,847,900	993,860,000
P.28 Pembangunan	4,666,533,906	4,090,326,186	4,894,040,200	5,108,764,900
Cara Langsung	4,666,533,906	4,090,326,186	4,894,040,200	5,108,764,900
Pinjaman	0	0	0	0
JUMLAH	6,203,113,998	5,718,088,593	6,596,474,100	6,767,918,800
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI				
B.30 Mengurus	667,098,468	692,067,633	738,945,500	759,683,800
Emolumen	225,986,587	235,119,451	250,213,300	270,263,800
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	441,111,881	456,948,182	488,732,200	489,420,000
P.30 Pembangunan	439,057,440	505,348,334	536,620,700	516,216,800
Cara Langsung	439,057,440	505,348,334	536,620,700	516,216,800
Pinjaman	0	0	0	0
JUMLAH	1,106,155,908	1,197,415,967	1,275,566,200	1,275,900,600
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA				
B.31 Mengurus	826,586,631	921,065,777	1,188,449,400	1,298,673,800
Emolumen	95,389,451	99,631,688	102,442,700	113,057,400
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	731,197,180	821,434,089	1,086,006,700	1,185,616,400
P.31 Pembangunan	118,277,041	138,463,596	229,929,000	268,954,000
Cara Langsung	118,277,041	138,463,596	228,929,000	268,954,000
Pinjaman	0	0	1,000,000	0
JUMLAH	944,863,672	1,059,529,373	1,418,378,400	1,567,627,800

**RINGKASAN PERBELANJAAN SEBENAR DAN
ANGGARAN PERBELANJAAN MENGRUS DAN PEMBANGUNAN**

<i>Maksud Perbelanjaan</i>	<i>Perbelanjaan Sebenar 2023</i>	<i>Perbelanjaan Sebenar 2024</i>	<i>Anggaran Asal 2025</i>	<i>Anggaran 2026</i>
	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR ²				
B.33 Mengurus	0	321,106,471	362,674,200	392,742,500
Emolumen	0	149,806,116	154,585,000	181,615,000
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	0	171,300,355	208,089,200	211,127,500
P.33 Pembangunan	0	3,734,883,223	4,591,591,000	4,798,959,500
Cara Langsung	0	3,139,623,003	3,612,037,600	4,348,299,500
Pinjaman	0	595,260,220	979,553,400	450,660,000
JUMLAH	0	4,055,989,694	4,954,265,200	5,191,702,000
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN				
B.40 Mengurus	21,142,025	21,945,245	23,675,900	24,943,100
Emolumen	13,894,248	14,566,925	16,260,600	17,059,600
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	7,247,777	7,378,320	7,415,300	7,883,500
JUMLAH	21,142,025	21,945,245	23,675,900	24,943,100
KEMENTERIAN KESIHATAN				
B.42 Mengurus	32,187,887,050	33,951,697,947	38,534,287,200	39,775,712,300
Emolumen	19,116,562,949	20,310,428,310	24,118,372,500	24,841,501,500
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	13,071,324,101	13,641,269,637	14,415,914,700	14,934,210,800
P.42 Pembangunan	4,661,248,739	5,794,032,420	6,738,085,600	6,744,503,300
Cara Langsung	4,661,248,739	5,794,032,420	6,738,085,600	6,744,503,300
Pinjaman	0	0	0	0
JUMLAH	36,849,135,789	39,745,730,366	45,272,372,800	46,520,215,600
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN				
B.43 Mengurus	1,831,813,922	1,868,234,280	1,971,705,100	2,071,920,400
Emolumen	891,709,474	919,048,750	980,086,900	1,048,147,500
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	940,104,448	949,185,530	991,618,200	1,023,772,900
P.43 Pembangunan	3,506,752,003	3,676,044,367	3,962,748,600	4,016,936,100
Cara Langsung	3,506,752,003	3,676,044,367	3,962,748,600	4,016,936,100
Pinjaman	0	0	0	0
JUMLAH	5,338,565,925	5,544,278,648	5,934,453,700	6,088,856,500

² B/P.33 - Kementerian Alam Sekitar dan Air dibubar dan dipindahkan kepada B/P.23 - Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim pada tahun 2023.

**RINGKASAN PERBELANJAAN SEBENAR DAN
ANGGARAN PERBELANJAAN MENGRUS DAN PEMBANGUNAN**

<i>Maksud Perbelanjaan</i>	<i>Perbelanjaan Sebenar 2023</i>	<i>Perbelanjaan Sebenar 2024</i>	<i>Anggaran Asal 2025</i>	<i>Anggaran 2026</i>
	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN				
B.45 Mengurus	653,080,924	567,808,977	628,109,600	700,170,300
Emolumen	225,350,824	222,404,164	233,810,800	272,813,000
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	427,730,100	345,404,812	394,298,800	427,357,300
P.45 Pembangunan	379,022,421	391,341,625	498,251,100	482,754,200
Cara Langsung	379,022,421	391,341,625	498,251,100	482,754,200
Pinjaman	0	0	0	0
JUMLAH	1,032,103,345	959,150,602	1,126,360,700	1,182,924,500
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA				
B.46 Mengurus	845,161,948	889,550,747	1,005,944,400	1,045,931,000
Emolumen	541,960,418	556,958,943	588,778,900	653,023,800
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	303,201,530	332,591,804	417,165,500	392,907,200
P.46 Pembangunan	458,208,775	472,048,820	819,525,100	782,439,200
Cara Langsung	458,208,775	472,048,820	819,525,100	782,439,200
Pinjaman	0	0	0	0
JUMLAH	1,303,370,723	1,361,599,567	1,825,469,500	1,828,370,200
KEMENTERIAN KOMUNIKASI ³				
B.47 Mengurus	991,445,855	1,028,732,729	1,077,476,700	1,132,199,700
Emolumen	391,626,918	410,857,815	427,937,800	442,229,300
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	599,818,937	617,874,914	649,538,900	689,970,400
P.47 Pembangunan	1,277,451,297	1,118,801,702	1,476,878,000	1,422,865,000
Cara Langsung	1,277,451,297	1,118,801,702	1,476,878,000	1,422,865,000
Pinjaman	0	0	0	0
JUMLAH	2,268,897,152	2,147,534,431	2,554,354,700	2,555,064,700
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT				
B.48 Mengurus	3,119,422,874	3,233,117,850	3,423,506,300	3,962,162,500
Emolumen	360,530,629	377,973,303	385,353,100	421,745,800
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	2,758,892,245	2,855,144,546	3,038,153,200	3,540,416,700
P.48 Pembangunan	176,431,019	227,245,917	217,758,100	225,801,100
Cara Langsung	176,431,019	227,245,917	217,758,100	225,801,100
Pinjaman	0	0	0	0
JUMLAH	3,295,853,893	3,460,363,767	3,641,264,400	4,187,963,600

³ B/P.47 - Kementerian Komunikasi pada tahun 2023 adalah Kementerian Komunikasi dan Digital.


**RINGKASAN PERBELANJAAN SEBENAR DAN
ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS DAN PEMBANGUNAN**

<i>Maksud Perbelanjaan</i>	<i>Perbelanjaan Sebenar 2023</i>	<i>Perbelanjaan Sebenar 2024</i>	<i>Anggaran Asal 2025</i>	<i>Anggaran 2026</i>
	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
KEMENTERIAN DIGITAL ⁴				
B.50 Mengurus	0	166,479,612	201,390,400	248,505,800
Emolumen	0	73,692,041	76,912,000	86,476,600
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	0	92,787,571	124,478,400	162,029,200
P.50 Pembangunan	0	1,027,451,178	1,105,945,500	1,110,068,200
Cara Langsung	0	1,027,451,178	1,105,945,500	1,110,068,200
Pinjaman	0	0	0	0
JUMLAH	0	1,193,930,790	1,307,335,900	1,358,574,000
KEMENTERIAN PERTAHANAN				
B.60 Mengurus	11,824,621,741	12,678,524,720	13,636,669,900	14,108,301,700
Emolumen	7,971,705,452	8,157,922,128	8,773,181,200	9,215,654,600
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	3,852,916,289	4,520,602,592	4,863,488,700	4,892,647,100
P.60 Pembangunan	6,041,181,689	7,349,255,794	7,492,032,400	7,637,966,600
Cara Langsung	6,041,181,689	7,349,255,794	7,492,032,400	7,637,966,600
Pinjaman	0	0	0	0
JUMLAH	17,865,803,430	20,027,780,513	21,128,702,300	21,746,268,300
KEMENTERIAN DALAM NEGERI				
B.62 Mengurus	13,802,997,052	13,984,818,361	15,527,945,100	17,350,811,800
Emolumen	10,022,123,519	10,037,550,477	11,233,673,600	12,390,133,100
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	3,780,873,533	3,947,267,884	4,294,271,500	4,960,678,700
P.62 Pembangunan	3,944,369,160	3,867,983,827	3,925,438,800	3,832,118,300
Cara Langsung	3,944,369,160	3,867,983,827	3,925,438,800	3,832,118,300
Pinjaman	0	0	0	0
JUMLAH	17,747,366,212	17,852,802,188	19,453,383,900	21,182,930,100
KEMENTERIAN PENDIDIKAN				
B.63 Mengurus	51,473,721,027	54,554,493,628	57,866,971,700	59,884,100,700
Emolumen	41,721,791,080	43,350,403,589	46,712,425,300	49,240,818,700
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	9,751,929,947	11,204,090,038	11,154,546,400	10,643,282,000
P.63 Pembangunan	4,832,027,066	5,316,736,749	6,323,077,700	6,314,529,900
Cara Langsung	4,832,027,066	5,316,736,749	6,323,077,700	6,314,529,900
Pinjaman	0	0	0	0
JUMLAH	56,305,748,093	59,871,230,377	64,190,049,400	66,198,630,600

⁴ B/P.50 - Kementerian Digital diwujudkan pada tahun 2024.

**RINGKASAN PERBELANJAAN SEBENAR DAN
ANGGARAN PERBELANJAAN MENGRUS DAN PEMBANGUNAN**

<i>Maksud Perbelanjaan</i>	<i>Perbelanjaan Sebenar 2023</i>	<i>Perbelanjaan Sebenar 2024</i>	<i>Anggaran Asal 2025</i>	<i>Anggaran 2026</i>
	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI				
B.64 Mengurus	11,699,999,252	12,630,787,465	13,846,253,700	14,683,417,300
Emolumen	1,255,803,800	1,273,809,611	1,387,594,500	1,506,553,300
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	10,444,195,452	11,356,977,854	12,458,659,200	13,176,864,000
P.64 Pembangunan	3,391,268,809	3,458,903,190	4,250,833,100	3,914,588,900
Cara Langsung	3,391,268,809	3,458,903,190	4,250,833,100	3,914,588,900
Pinjaman	0	0	0	0
JUMLAH	15,091,268,061	16,089,690,655	18,097,086,800	18,598,006,200
RINGKASAN KESELURUHAN				
Mengurus	314,959,481,731	324,617,649,252	335,000,000,000	338,202,000,000
Emolumen	91,859,514,598	95,935,832,990	105,908,537,000	109,365,679,900
